

ANALISIS KONTRASIF TASYBIH DAN ISTIA'RAH DENGAN SIMILE DAN METAFORA

Siti Fatimah Radzi & Harun Baharudin¹

Abstrak

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan *tasybih* dan simile dan mengenal pasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan *istiarah* dan *tasybih* dengan metafora. Penulis menggunakan kaedah kajian kepustakaan analisis kontrasif untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam gaya bahasa kiasan kedua-dua bahasa tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan gaya bahasa kiasan simile ialah *tasybih mursal mufassal* dan *tasybih mursal mujmal* dalam konteks bahasa Arab dan kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu untuk membuat perbandingan atau perumpamaan sesuatu ayat dengan menggunakan kata perbandingan (seperti, umpama) tetapi mempunyai perbezaan dari segi tiada pengkelasan rukun utama atau asas utama seperti yang terdapat dalam *tasybih*. Manakala gaya bahasa kiasan metafora iaitu pemindahan atau peminjaman makna asal sesuatu perkataan dengan membentuk makna yang baru dalam ayat ialah gaya bahasa Melayu yang menyerupai *isti'arah tasrihiyyah*, *istiarah makniyyah*, begitu juga *tasybih baligh* dan *tasybih mu'akkad mufassal* tetapi mempunyai perbezaan dengan *tasybih mursal mufassal* dan *tasybih mursal mujmal* dalam konteks bahasa Arab.

Kata kunci: analisis kontrasif, *tasybih*, *istia'rah*, simile, metafora.

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
Emel: *sitifatimahradzi@gmail.com*

ANALISIS KONTRASIF TASYBIH DAN ISTIA'RAH DENGAN SIMILE DAN METAFORA

Abstract

The objectives of this study were to identify the similarities and differences of the metaphorical language styles of *tasybih* and simile and to identify the similarities and differences of the metaphorical language styles of *istiarah* and *tasybih* with metaphor. The authors used a library study method of contrasting analysis to identify similarities and differences in the figurative language styles of the two languages. Overall, the findings show that the simile metaphorical language is *mufassal mursal* and *mursal masyal* grammar in the Arabic context and both have similarities to make comparisons or parables of a sentence using comparative terms (such as, for example) but have different meanings there is no classification of fundamental or fundamental principles as found in the literature. While the style of figurative language of metaphors which transfer or loan of the original meaning of a word to form a new meaning in the verse is a style that resembles the Malay language *isti'arah tasrihiyyah*, *istiarah makniyyah*, as well as *tasybih baligh* and *tasybih mu'akkad mufassal* but have differences with *tasybih mursal mufassal* and *mursal mujal mujmal* in the Arabic context.

Keywords: *contraceptive analysis, traces, values, similes, metaphors.*

PENGENALAN

Ilmu Balaghah telah mendapat tumpuan para penyelidik dan pengkaji bahasa sejak dahulu lagi. Ramai ahli bahasa telah membincangkan dengan panjang lebar berkaitan kajian aspek balaghah. Terdapat banyak aspek balaghah Arab dan Melayu dapat dibongkar dan diketengahkan. Ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap penggunaan gaya bahasa. Asas balaghah sememangnya terdapat dalam mana-mana bahasa, bahkan dipelajari sama ada secara formal atau tidak formal. Ilmu balaghah boleh didefinisikan sebagai satu istilah kesusasteraan atau pengertian perkataan yang jelas dan sampai ke dalam hati pembaca dan pendengarnya (Al-Sayyid Ahmad Al-Hashimiyy, 1999). Gaya bahasa balaghah juga mempunyai nilai sastera yang tinggi dan telah lama dimiliki oleh orang-orang Arab, bahkan sebelum tersebarnya agama Islam, terdapat ramai pendengar atau pembaca yang terpegun dengan keindahan bahasa Arab lebih-lebih lagi apabila mendengarkan ayat-ayat suci al-Qur'an dan Hadith.

Tasybih dan *isti'arah* merupakan sebahagian gaya bahasa atau uslub yang terdapat dalam ilmu balaghah. Gaya bahasa ini mendapat tumpuan yang paling utama dalam perbincangan dalam bidang balaghah. Perhatian yang tinggi yang diberikan kepadanya sejak dahulu hingga sekarang membuktikan betapa tinggi nilainya di sisi sarjana balaghah Arab. Kepentingannya tidak dapat disangkal lagi

kerana penggunaannya yang begitu ketara dalam al-Qur'an dan al-Hadith serta teks-teks sastera. Kajian analisis kontrasif boleh dilaksanakan bagi melihat dan membongkar rahsia keistimewaannya dan membuat perbandingan dengan gaya bahasa kiasan bahasa Melayu.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini dilakukan untuk melihat perbandingan makna sesuatu ayat yang ingin disampaikan sama ada mempunyai perbezaan atau persamaan dalam kedua-dua bahasa. Walaupun *tasybih* dan *isti'arah* banyak digunakan dalam karya Arab, tetapi terdapat juga penggunaan gaya bahasa kiasan ini dalam karya Melayu. Semua bahasa kiasan yang digunakan bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud sama ada tersirat atau tersurat. Namun, perbezaan atau persamaan gaya bahasa kiasan kedua-dua bahasa tersebut kurang dibahaskan.

Kajian-kajian lepas seperti kajian Rosni Samah (1999) iaitu "Cerita Rakyat: Antara Sastera Arab dan Melayu", dan Rahmah Ahmad H. Osman (1997) yang bertajuk "Citra Wanita dalam Cerpen-cerpen Wanita Jordan dan Malaysia (1970-1995): Kajian dan Analisis" bagaimanapun lebih tertumpu kepada kajian berasaskan jantina. Begitu juga dengan kajian Mohd Salleh bin Yaapar (1977) iaitu "A Comparative Study of Malaysian and Philippine Folk Literature" pula adalah satu kajian perbandingan persamaan dan perbezaan kesusasteraan rakyat antara Malaysia dan Filipina. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, para pengkaji terdahulu membandingkan karya antara penulis yang melibatkan pelbagai bangsa dan bahasa serta karya sastera yang berbentuk kerakyatan. Namun, didapati bahawa tiada lagi kajian perbandingan yang melibatkan gaya bahasa *tasybih* dan *isti'arah* dengan gaya bahasa Melayu dengan menggunakan ungkapan atau ayat yang biasa digunakan dan didengari dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, melalui analisis kontrasif berkaitan topik ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana penggunaan *tasybih* dan *isti'arah* yang terdapat dalam ayat kiasan bahasa Arab dan membuat perbandingan untuk melihat apakah terdapat persamaan di antara simile dan *tasybih*, atau persamaan di antara metafora dan *isti'arah*. Selain itu juga melihat kepada perbezaan di antara keduanya dan melihat kepada sejauh mana fungsi atau peranan *tasybih* dan *isti'arah* begitu juga simile dan metafora dalam menyampaikan makna bahasa tersebut sehingga memberi kesan kepada pembaca atau pendengar.

OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan *tasybih* dan simile.
- 2) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan *istia'rah* dan *tasybih* dengan metafora.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kepustakaan analisis kontrasif untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam gaya bahasa kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu seterusnya menganalisis serta membuat kesimpulan tentang kedua-dua gaya bahasa kiasan tersebut.

GAYA BAHASA KIASAN BAHASA MELAYU

Bentuk struktur dan pola bahasa kiasan bagi bahasa Melayu itu sudah wujud sejak zaman dahulu lagi. Hampir semua bahasa kiasan itu seperti peribahasa, bidalan, perumpamaan, ungkapan dan perbandingan digunakan dari dahulu dan masih terpakai hingga hari ini. Dalam perkembangan bahasa Melayu yang sejajar dengan perkembangan fikiran dan kebudayaan Melayu, bahasa kiasan juga turut berkembang. Tetapi bentuk atau pola strukturnya ada yang mengalami perubahan dan kata-kata yang membentuknya sudah banyak yang baharu.

Terdapat beberapa jenis bahasa kiasan bahasa Melayu yang dominan dan sering digunakan dalam karya sastera berbentuk prosa seperti karangan, sajak, puisi, cerpen dan novel dan lain-lain. Gaya bahasa kiasan tersebut ialah simile, metafora, metonimi, sinekdoki, personifikasi dan depersonifikasi, serta hiperbola. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penulis hanya menumpukan perbincangan berkenaan gaya bahasa kiasan simile dan metafora sahaja.

Simile

Menurut Alternbernd (1970), simile merupakan perbandingan atau perumpamaan, iaitu bahasa kiasan yang mengumpamakan sesuatu hal dengan hal lain dengan menggunakan kata-kata berikut iaitu *bagai*, *bak*, *seperti*, *seumpama*, *laksana*, *sepantun*, *penaka* dan sebagainya. Manakala Gorys Keraf dalam buku *Diksi dan Gaya Bahasa* (1991) menyatakan persamaan atau simile adalah perbandingan yang bersifat eksplisit, yang dimaksudkan dengan perbandingan yang bersifat eksplisit ialah bahawa ia secara langsung menyatakan sesuatu dengan hal yang lain. Untuk itu, ia memerlukan upaya yang secara eksplisit menunjukkan kesamaan itu iaitu kata-kata: *seperti*, *sebagai*, *laksana*, *bagaikan* dan sebagainya. Contoh ayat simile seperti: “Wajahmu bagaikan rembulan yang bersinar di malam hari”, “Gadis itu bagaikan bunga mawar yang baru mekar”, “Persahabatan mereka seperti rantai yang kukuh”, “Rambutmu bak mayang terurai”, dan “Engkau laksana bulan”.

Walaupun bagaimanapun, ayat *rumah saya seperti rumah saudara* bukanlah simile walaupun ia bermaksud membandingkan, tetapi contoh-contoh seperti *garang seperti singa*, *merdu bagai buluh perindu*, *terumbang-ambing bagai layang-layang putus tali* adalah simile. Kadangkala simile didatangkan tanpa menyebutkan subjek utama yang hendak dibandingkan, contohnya, *seperti menatang minyak penuh*, *bagai duri dalam daging*, dan *laksana punggung rindukan bulan*.

Metafora

Mengikut Rahman Shaari, 'metafora' ialah penggunaan kata-kata yang menerbitkan makna yang lain dari makna yang tersurat. Metafora sejenis bahasa figuratif yang memberi sifat secara perbandingan atau kiasan. Contohnya seperti ayat "matanya ada api". Perkataan api ini memberi makna nyalaan panas yang membakar sementara mata merupakan alat untuk melihat. Kedua-dua perkataan api dan mata ini boleh menjadi metafora (Rahman Shaari, 1997).

Menurut Kamus Dewan, "metafora ialah pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan. Ini bermakna sesuatu perkataan itu mempunyai makna lain untuk tujuan tertentu" (Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat). Menurut Abdullah Hassan dan Ainun Muhammad (1993), metafora dalam Bahasa Melayu yang sering hadir dalam karya sastera diklasifikasikan sebagai bahasa kiasan bukan peribahasa, iaitu kiasan yang tidak menggunakan seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak seperti, laksana, bagai, umpama dan macam. Contohnya, "Budak itu lembu". Di sini lafaz lembu ialah metafora. Ayat ini berbeza daripada ayat, "Budak itu bodoh seperti lembu" kerana lembu dalam ayat ini merupakan perumpamaan kerana terdapat perkataan 'seperti' sebelumnya dan ia menjadi simile.

Mengikut istilah sastera pula, metafora merupakan gaya bahasa perbandingan yang membawa maksud lain daripada makna sebenar kata atau frasa tersebut. Kebiasaannya metafora terdiri daripada dua patah kata contohnya seperti lembah duka, lautan api, kota kesengsaraan, cahaya kepintaran, tunas harapan, padang kehidupan, madu kesusahan, cuka kesangsian dan piala remaja. Ini bertepatan dengan pandangan Herman J Waluyu dalam *Teori dan Apresiasi Puisi* (1995) yang menegaskan bahawa metafora juga boleh terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat, dan tersusun. Satu daripada dua perkataan metafora bersifat konkrit dan menjadi objek untuk difikirkan, dan satu lagi perkataan bersifat abstrak.

GAYA BAHASA KIASAN BAHASA ARAB

Secara ringkasnya, gaya bahasa kiasan bahasa arab adalah berada dalam komponen ilmu *Balaghah* iaitu ilmu *al-Bayan*. Ilmu *al-Bayan* adalah bidang ilmu yang mempelajari kaedah-kaedah yang berkaitan dengan ungkapan sesuatu makna dengan pelbagai cara yang sesuai dengan konteks ayat. Atau dengan kata lain, *Ilmu Bayan* ialah ilmu yang menetapkan beberapa peraturan dan kaedah untuk mengetahui makna bahasa kiasan yang terkandung dalam kalimah. Komponen pembahasan dalam ilmu bayan ialah *al-Tasybih*, *al-Majaz*, *al-Kinayat* dan *al-Isti'arah*. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penulis hanya menumpukan perbincangan pada komponen *tasybih* yang juga berkaitan rapat dengan *isti'arah* dalam membicarakan gaya bahasa kiasan.

Tasybih

Dari sudut bahasa, perkataan *tasybih* menurut kamus Idris al-Marbawiy (1350H) berasal daripada kata kerja شبه-يشبه-تشبيه yang memberi maksud menjadikan sesuatu itu serupa, sama, sebanding dan beberapa makna lain yang seumpamanya. Menurut Ibrahim Mustafa (1989) menyatakan *tasybih* ialah persamaan. Menurut pendapat Ibnu Manzur dalam kamusnya *Lisan al-‘Arab*, *tasybih* dari sudut bahasa berasal dari perkataan الشبه yang membawa erti sama atau serupa. Pada pendapat beliau, konsep *tasybih* memberi erti perumpamaan. Di dalam Kamus al-Miftah (2007), ada menyatakan bahawa perkataan *tasybih* itu bermakna persamaan, perumpamaan atau penyerupaan dan perbandingan. Menurut pendapat Maan Z. Madina (1973) menyatakan perkataan التشبيه itu bermaksud perbandingan, persamaan, cerita ibarat, atau kiasan.

Manakala dari sudut istilah pula, *tasybih* ialah perkongsian sesuatu dengan sesuatu yang lain pada satu perkara (Al-Sakkakiy, 1964). Iaitu bermaksud perkongsian satu perkara dengan satu perkara yang lain pada sesuatu makna (Al-Qazwiniy, 1980). Selain itu, menurut Ibn Rasyiq, *tasybih* ialah sifat sesuatu perkara yang hampir menyamai dari satu aspek atau beberapa aspek dan bukannya dalam semua aspek kerana jika sesuatu itu mempunyai persamaan pada kesemua aspek maka tidak ada lagi perumpamaan (Ab. Aziz Atiq, 1974). Daripada definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa walaupun masing-masing memberi definisi *tasybih* yang berbeza dari segi lafaz, namun ia mempunyai persamaan makna iaitu *tasybih* adalah gaya bahasa yang menggunakan partikel yang menyamai atau menyerupai makna sebenar di dalam ayat untuk memberi penerangan dan kejelasan.

Gaya bahasa *tasybih* terdiri daripada empat rukun utama yang menjadi tunjang kepada unsur utama iaitu *al-musyabbah*, *al-musyabbah bih*, *adat al-tasybih* dan *wajh al-syabah*. Walaupun rukun utama *tasybih* ada empat kesemuanya, tetapi yang paling asas dalam perumpamaan ialah *al-musyabbah* dan *al-musyabbah bih*. Hal ini kerana di antara keempat-empat rukun yang dinyatakan, terdapat dua rukun *tasybih* yang kadangkala disebutkan dan kadang kalanya pula dibuang iaitu *adat al-tasybih* dan *wajh al-syabah* berdasarkan kepada ayat atau maksud ayat yang ingin disampaikan.

Sebagai contoh: زيد كالأسد في الشجاعة yang bermaksud: *Zaid seperti singa dalam keberaniannya*. Zaid adalah *al-musyabbah*. Al-Asad atau singa adalah *al-musyabbah bih*. Manakala al-Syajaah adalah *wajh al-Syabah*, dan huruf *kaf* yang bermaksud “seperti” adalah *adat al-Tasybih*. Contoh di atas adalah contoh *tasybih* yang lengkap kerana ia mempunyai keempat-empat rukun utamanya. Para sarjana Arab yang turut mengkatégorikan bentuk *tasybih* yang lengkap sedemikian sebagai *tasybih mursal mufassal*.

Walau bagaimanapun, *tasybih* masih lagi dikira sempurna atau memadai sekalipun *wajh al-Syabh* digugurkan. Sebagai contoh: زيد كالأسد. *Tasybih* di atas masih lagi sempurna biarpun tanpa kewujudan *wajh al-Syabh* (sedangkan *adat al-tasybih* ada). Ia dinamakan *tasybih mursal mujmal*. Begitu juga, sekiranya *adat al-tasybih* digugurkan (sedangkan *wajh al-Syabh* ada), *tasybih* masih dianggap memadai. Ia dinamakan *tasybih mu’akkad mufassal*. Misalnya: زيد أسد في الشجاعة.

Begitu juga jika hanya *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih* sahaja yang wujud, sementara *adat al-tasybih* dan *wajh al-Syabh* digugurkan, ia dinamakan *tasybih baligh*. Contohnya: زيد أسد.

Akan tetapi apabila salah satu sahaja antara *al-musyabbah* dan *al-musyabbah bih* yang muncul, maka perbahasan ini bukan termasuk dalam kategori *tasybih* sebaliknya dikategorikan sebagai *isti'arah*. Selain itu, sebarang ungkapan *tasybih* yang tidak menggunakan *adat al-tasybih* turut dianggap sebagai mengandungi makna majazi, sebaliknya jika ia menggunakan *adat al-tasybih* ia dianggap mengandungi makna hakiki.

Istia'rah Tasrihiyyah dan Makniyyah

Isti'arah merupakan satu bahagian daripada majaz lughawiy dan ia dibuang salah satu daripada dua rukun asasnya. Oleh itu, hubungan antara makna haqiqiy dan makna majaziy adalah perumpamaan selamanya. Pembahagian ini berdasarkan kepada penyebutan salah satu daripada dua rukun asasnya iaitu *musyabbah* dan *musyabbah bih* dari segi perbandingan dalam ayat.

Isti'arah tasrihiyyah ialah satu bentuk *isti'arah* yang disebut lafaz *musyabbah bih*, contohnya dalam firman Allah yang bermaksud: "Tunjukkanlah kami jalan yang lurus". Rumusnya, *al-musyabbah* dibuang tetapi dijelaskan sebutan *al-musyabbah bih* (Eimil Badi' Ya'aqub, 1988). Maksud *tasrihiyyah* pada Jalan yang lurus asalnya ialah jalan yang tiada bengkok padanya, dipinjamkan bagi agama yang benar. Namun, apa yang dimaksudkan agama yang benar itu ialah ajaran islam iaitu hukum-hukum syariah yang terdapat dalam ajaran islam. Faedahnya adalah untuk menguatkan dan menetapkan bahawa hukum syariah islam sahaja yang berada dipihak yang benar.

Manakala *isti'arah makniyyah* pula merupakan *isti'arah* yang dibuang *al-musyabbah bihnya* dan sebagai syarat ditetapkan salah satu sifat khasnya, seperti contoh dalam surah al-Isra' ayat 24 yang bermaksud: "Dan rendahkanlah sayap (tawadhu'/kasih sayang) dirimu terhadap ibu bapa dengan penuh kasih sayang". Perkataan جناح iaitu 'sayap' merujuk kepada maksud rendah diri atau perasaan kasih sayang. Maksud *makniyyah* dalam ayat di atas ialah perkataan 'sayap' itu dibuang dari seekor burung dan diambil serta digunakan untuk memberi maksud sifat kasih sayang serta rasa rendah diri seorang anak terhadap kedua ibu bapanya.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas, *isti'arah* itu merupakan pemakaian atau peminjaman kata-kata yang menyatakan sesuatu makna yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan berkenaan iaitu sebagai perbandingan atau kiasan kepada makna baru yang ingin disampaikan juga meminjam sifat makna perkataan yang lain untuk memberi makna baru dalam teks.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Perbandingan Antara Gaya Bahasa Kiasan Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu *Tasybih* dan Simile

Secara umumnya, *tasybih* dan simile mempunyai persamaan yang ketara. Sebagaimana yang diketahui, *tasybih* bermaksud perbandingan sesuatu dengan lain yang mempunyai ciri yang sama dengan menggunakan partikel atau perkataan tertentu. Sebagai contoh: زيد كالأسد في الشجاعة bermaksud (Zaid seperti singa dalam keberaniannya). Zaid adalah *al-musyabbah*. Singa adalah *al-musyabbah bih*, manakala *berani* adalah *wajh al-syabah*. Dan huruf *kaf* yang bermaksud seperti adalah *adat al-tasybih*. Contoh di atas adalah *tasybih* yang lengkap atau sempurna kerana ia memenuhi keempat-empat rukun *tasybih*.

Namun begitu, *tasybih* masih lagi dikira sempurna atau memadai sekalipun *wajh al-syabah* digugurkan. Ia disebut *tasybih mursal mujmal*. Begitu juga jika *adat al-tasybih* digugurkan sedangkan *wajh al-syabah* ada. Ia dinamakan *tasybih mu'akkad* mufassal dan juga masih diterima jika digugurkan *adat al-tasybih* dan *wajh al-syabah* yang dinamakan *tasybih baligh*.

Manakala simile pula ialah perumpamaan atau perbandingan yang menyamakan sesuatu objek atau perkara dengan objek atau perkara yang lain dengan menggunakan kata-kata perbandingan. Ia terkandung kepada dua bahagian iaitu subjek utama dan bahan bandingan. Biasanya simile menggunakan kata perbandingan seperti 'bagai, bak, macam, umpama, persis, laksana dan seperti'. Sebagai contoh: Rumahnya bersepeh seperti sarang tikus. Subjek utama bagi simile ini ialah rumah, dan bahan bandingannya ialah sarang tikus. Biasanya bahan bandingan mengandungi imej iaitu kata atau ungkapan yang membentuk sesuatu perkara yang boleh ditangkap oleh deria.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan antara *tasybih* dan simile. Pada dasarnya, simile adalah *tasybih*, namun tidak semua *tasybih* adalah simile. Hanya *tasybih mursal mufassal* dan *tasybih mursal mujmal* boleh dianggap sebagai simile kerana ia menggunakan *adat al-tasybih* atau kata perbandingan. *Tasybih* yang tidak menggunakan *adat al-tasybih* adalah metafora dalam bahasa kiasan melayu. Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, berikut adalah jadual 1 dan 2 untuk melihat persamaan dan perbezaan *Tasybih* dan Simile dengan lebih jelas.

Jadual 1: Persamaan *Tasybih* dan *Simile*

	Keterangan	Contoh ayat kiasan
Persamaan <i>tasybih</i> dan <i>simile</i>	<i>Tasybih mursal mufassal</i> dan <i>Tasybih mursal mujmal</i> mempunyai persamaan dengan <i>Simile</i> kerana kedua-duanya menggunakan <i>adat al-tasybih</i> seperti ك, مثل @ kata bandingan iaitu (bagai, bak, macam, umpama, laksana, persis dan seperti)	<i>Tasybih mursal mufassal:</i> العلم كالنور في الهداية (ilmu seperti cahaya dalam memberi petunjuk) <i>Tasybih mursal mujmal:</i> العلم كالنور (ilmu seperti cahaya) <i>Simile:</i> Rumahnya bersepah seperti sarang tikus

Jadual 2: Perbezaan *Tasybih* dan *Simile*

	<i>Tasybih</i>	<i>Simile</i>
Perbezaan <i>Tasybih</i> dan <i>Simile</i>	1) Asas <i>Tasybih</i> (طرفا التشبيه) adalah <i>al-musyabbah</i> dan <i>al-musyabbah bih</i> yang tidak boleh digugurkan. Dan <i>tasybih</i> terdiri daripada empat rukun utama iaitu <i>al-musyabbah</i> , <i>al-musyabbah bih</i> , <i>adat al-tasybih</i> dan <i>wajh al-syabah</i> .	Manakala <i>Simile</i> membandingkan dua perkara dengan menggunakan kata-kata perbandingan dan tidak dikelaskan kepada rukun dan asas tertentu seperti <i>tasybih</i> .
	2) <i>Tasybih</i> boleh digugurkan <i>adat al-tasybih</i> seperti ك, مثل dan dipanggil <i>tasybih muakkad mufassal</i> atau <i>tasybih baligh</i> .	<i>Simile</i> perlu ada kata-kata perbandingan iaitu <i>bagai, bak, macam, umpama, laksana, persis dan seperti</i> .

Metafora dan Istia'rah dan *Tasybih*

Metafora adalah bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Metafora juga adalah satu bentuk perbandingan, yang membandingkan dua perkara tetapi tanpa menggunakan perkataan perbandingan seperti *bagai, bak, macam, umpama, dan seperti*. Malah, metafora juga boleh terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat, dan tersusun iaitu perkataan pertama bersifat konkrit, perkataan kedua bersifat abstrak.

Metafora boleh disamakan dengan *tasybih mu'akkad mufassal* dan *tasybih baligh* yang mana kedua-dua *tasybih* tersebut tidak menggunakan *adat al-Tasybih* malah mengandungi makna majazi. Sebagai contoh, ilmu itu pelita hidup. Pelita hidup adalah metafora. Ia serupa dengan konsep *tasybih baligh* seperti dalam contoh: العلم نور (Ilmu itu cahaya). Namun, ia akan menjadi simile jika ayat tersebut berbunyi *ilmu itu seperti pelita hidup* kerana ada perkataan perbandingan pada ayat tersebut iaitu seperti sama dengan konsep *mursal mujmal* dalam contoh: العلم كالنور (Ilmu itu seperti cahaya) sekiranya meletakkan *adat al-tasybih*.

Metafora juga dilihat memiliki persamaan dengan *istia'arah tasrihiyyah*. Sebagai contoh, “*saya ingin bertemu dengan sekuntum mawar di kampungmu*”. Dalam ayat tersebut, *mawar* ialah sebuah metafora untuk menyatakan tentang gadis yang cantik. Konsep sedemikian tentu sahaja serupa dengan konsep *istia'arah tasrihiyyah* dalam ilmu Balaghah. Sebagai contoh, الوردة في الفصل (sekuntum bunga di dalam kelas). Bunga yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah *al-musyabbah bih* dalam *istia'arah tasrihiyyah* yang telah menggugurkan *al-musyabbah* iaitu seorang gadis yang cantik.

Selain itu, metafora juga boleh terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat, dan tersusun. Satu daripada dua perkataan metafora bersifat konkrit dan menjadi objek untuk difikirkan, dan satu lagi perkataan bersifat abstrak. Tujuannya adalah untuk menjelaskan unsur yang abstrak melalui unsur konkrit kerana deria manusia lebih mudah mengena sifat unsur konkrit sebagai bandingan unsur abstrak. Sebagai contoh, metafora “sungai waktu”, “roda kehidupan”, “kotak ingatan”. Justeru, metafora berbentuk dua perkataan sedemikian dapat disamakan dengan konsep *istia'arah makniyyah*. Penyataan di atas dapat dirujuk melalui melalui jadual 1 dan 2 seperti berikut untuk melihat persamaan dan perbezaan Metafora dengan ilmu balaghah dengan lebih jelas:

Jadual 3: Persamaan dan perbezaan Metafora dengan *istia'arah* dan *tasybih*

	<i>Keterangan</i>	<i>Contoh ayat kiasan</i>
Persamaan Metafora dan <i>istia'arah tasrihiyyah</i>	Metafora mempunyai persamaan dengan <i>istia'arah tasrihiyyah</i> iaitu menggugurkan sesuatu yang ingin dibandingkan (konkrit) @ <i>al-musyabbah</i> dan menyebut bahan perbandingan (abstrak) @ <i>al-musyabbah bih</i> .	Metafora dan <i>istia'arah tasrihiyyah</i> : الوردة في الفصل (Sekuntum mawar di dalam kelas)
Persamaan Metafora dan <i>istia'arah makniyyah</i>	Metafora juga boleh terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat, dan tersusun. Satu daripada dua perkataan metafora bersifat konkrit dan menjadi objek untuk difikirkan, dan satu lagi perkataan bersifat	Metafora: gunung harapan, roda kehidupan, tunas harapan <i>Istia'arah makniyyah</i> : ضحكت السماء (langit telah ketawa)=langit cerah.

	abstrak sama seperti <i>istia'rah makniyyah</i> yang boleh terdiri dari dua perkataan yang ringkas juga.	
Persamaan Metafora dan tasybih	Metafora mempunyai persamaan dengan <i>tasybih muakkad mufassal</i> dan <i>tasybih baligh</i> kerana kedua-duanya tidak menggunakan kata bandingan @ partikel <i>tasybih</i> iaitu (umpama, seperti, macam, bak).	Metafora: Ilmu itu pelita hidup <i>Tasybih muakkad mufassal:</i> العلم نور في الهداية (ilmu itu cahaya dalam memberi petunjuk) <i>Tasybih baligh:</i> العلم نور (ilmu itu cahaya)
Perbezaan Metafora dan <i>tasybih</i>	Metafora mempunyai perbezaan dengan <i>tasybih mursal mufassal</i> dan <i>tasybih mursal mujmal</i> dalam kerana metafora tidak menyebut kata perbandingan iaitu umpama, seperti, bak tetapi <i>tasybih mursal mufassal</i> dan <i>tasybih mursal mujmal</i> menyebutnya <i>adat al-tasybihnya</i> .	Metafora: <i>Usah diperisterikan anak Pak Daud itu, dia kelapa ditebuk tupai</i> = anak dara yang telah hilang daranya. -tiada partikel perbandingan <i>Tasybih mursal mufassal:</i> زيد كالأسد في الشجاعة (Zaid seperti singa dalam keberaniannya) <i>Tasybih mursal mujmal:</i> زيد كالأسد (Zaid seperti singa) -ada <i>adat-al tasybih</i> iaitu 'ك'

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian terhadap gaya bahasa kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu sangat penting bagi menambahkan lagi ilmu dalam bidang balaghah atau retorik bahasa khususnya dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kekayaan bahasa Arab terutamanya, wajar dikongsi oleh bahasa Melayu untuk berdiri setanding dengan bahasa tersebut. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan menyusun kamus atau glosari bahasa kiasan dalam kedua-dua bahasa dengan lebih sistematik, supaya ia mampu menjadi daya tarikan kepada sastera kedua-dua bahasa. Selain itu, pusat-pusat pengajian tinggi memainkan peranan dalam meneruskan kesinambungan ilmu balaghah yang bermula di peringkat sekolah menengah serta peringkat ijazah dan memberi galakan kepada para pelajar agar memperbanyakkan lagi kajian terhadap bidang ilmu balaghah khususnya yang berkaitan dengan gaya bahasa.

RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Karim
- Abd al-Aziz bin Atiq. 1974. *Ilm Al-Bayan*. Beirut, Dar Al-Nahdat Al-Arabiyyat.
- Abdullah Hassan dan Ainun Muhammad. 1993. *Kamus Peribahasa Lengkap*. Terbitan Pertama, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Khatib al-Qazwiniyy. 1980. *Al-Idah Fi Al-Ulum Al-Balaghat*. cetakan keenam. Beirut.
- Al-Sayyid Ahmad al-Hashimiyy. 1999. *Jawahir Al-Balaghat Fi Al- Ma'ani: Wa Al-Bayan Wa Al- badi*. Beirut Lubnan, Dar al-Fikr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1029.
- Eimil Badi' Yakub. 1988. *Mausu'at al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*. Beirut, Lubnan: Dar al-'Ilmi li al-Malayin, hlm.62.
- Herman J. Waluyu. 1995. *Teori dan Aspresiasi Puisi*. Jakarta: Penerbit Erlanga, h.84.
- Ibrahim Mustafa et al. 1989. *Mu'jam al- Wasit*. j. 2. Istanbul: Maktabah Islamiyyah.
- Ibnu Manzur Abi Fadl Hanbal al-Din Muhammad bin Makran Ibnu Manzur al-Afriqi alMisri (t.t), *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Mohd Salleh bin Yaapar. 1977. *A Comparative Study of Malaysian and Philippine Folk Literature*. Tesis Master, College of Art and Science, University of Philipines.
- Rosni Samah. 1999. *Cerita Rakyat: Antara Sastera Arab dan Melayu*, Tesis PhD, University of Kaherah.
- Rahmah Ahmad H. Osman. 1997. *Citra Wanita dalam Cerpen-cerpen Wanita Jordan dan Malaysia (1970-1995): Kajian dan Analisis*. Tesis Master, University of Jordan.